

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 16 Julai 2020 7:29 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Naib Canselor Menghadap DYTM Raja Muda Kedah Sembah Maklum Agenda Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

16 JULAI 2020 / 24 ZULKAEDAH 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR MENGHADAP DYTM RAJA MUDA KEDAH SEMBAH MAKLUM AGENDA UNIVERSITI



UUM ONLINE: Alor Setar - Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tuanku Raja Muda Kedah Darul Aman telah berkenan menerima menghadap Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Wisma Darulaman, pagi tadi.

Majlis menghadap itu adalah bagi menyembah maklum beberapa perkara, antaranya tentang Majlis Konvokesyen Ke-33 UUM serta pelantikan Pro-Canselor II dan Pro-Canselor III baharu.

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir juga menyebarkan maklum tentang Majlis Pemasyhuran Bangunan Canselori Sultan Sallehuddin dan Syarahan Diraja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah yang dijadualkan berlangsung pada September 2020.

Selain itu, Naib Canselor menyebarkan persilaan kepada Duli Yang Teramat Mulia Che Puan Muda Zaheeda Mohamad Ariff, Tuanku Raja Puan Muda Kedah untuk hadir ke kampus Sintok bagi menyampaikan Syarahan Undang-undang Diraja UUM yang dicadangkan pada November 2020.

Di samping itu, beliau juga menyebarkan maklum tentang Projek Baju Kedah 'Cyntok Bhatik' yang berjalan lancar seperti yang dirancang, malah UUM telah menyerahkan perjanjian pemberian lesen pengkomersilan kepada tiga pengusaha industri jahitan di bawah bimbingan RISDA untuk mengkomersilkan batik Sintok.

Pada majlis menghadap itu juga, Naib Canselor menyebarkan maklum tentang pelantikan Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah Universiti baharu serta tindakan UUM dalam mengekang penularan wabak Covid-19 seperti menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Universiti dan penghasilan Projek Bantuan Kemanusiaan Covid-19 antaranya penyediaan pakaian perlindungan diri (PPE), pelitup muka, cecair basmi kuman (hand sanitizer) dan melancarkan Tabung Khas Covid-19 yang kini berjaya mengumpul lebih RM320,000, selain penawaran geran penyelidikan berjumlah RM110,800.

Selain itu, UUM juga turut memberi sumbangan kepada petugas barisan hadapan (frontliners) seperti menghasilkan Prowins *face shield*, menyumbang cecair basmi kuman dan pelitup muka kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang diserahkan kepada Ketua Polis Kedah, Datuk Zainuddin Yaacob.

Turut dipersembahkan adalah perkembangan terkini UUM dalam senarai badan penarafan antarabangsa iaitu Times Higher Education (THE) World University Rankings dan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings yang menunjukkan peningkatan.

Naib Canselor juga menyebarkan maklum kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bahawa pengurusan universiti telah memulakan gerak kerja penubuhan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dengan melantik tokoh dan pakar daripada industri dan agensi kerajaan sebagai panel penasihat yang akan memberikan nasihat dan bimbingan sehingga ia dapat beroperasi dan mencapai matlamat penubuhannya.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.